

# UMS adakan penyerahan Baucer Buku 1Malaysia 2016

UB 21 Mac 2016 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah melancarkan penyerahan Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) untuk tahun 2016.

Penyerahan baucer buku itu dijalankan selama dua hari bermula 19 hingga 20 Mac bertempat di Dewan Kuliah Pusat Kedua, UMS. Penyerahan itu dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Jabatan Bendahari serta Majlis Perwakilan Pelajar UMS.

BB1M adalah inisiatif yang dirangka oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian.

Selain itu, inisiatif itu dijangka dapat memupuk minat membaca

dalam kalangan rakyat Malaysia. Setiap pelajar akan mendapat lima keping baucer buku yang bernilai RM250. Tempoh sah laku baucer adalah selama tiga bulan sahaja iaitu sehingga Jun 2016.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, "Saya berharap dengan adanya baucer buku ini akan dapat menampung pembelian buku dan bahan ilmiah untuk memenuhi keperluan belajar di universiti.

"Dengan itu, saya berharap semua pelajar UMS memanfaatkan kemudahan yang diberikan ke arah tujuan yang berfaedah serta sentiasa bijak dalam berbelanja," katanya.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni) Prof Madya Dr Ismail Ali, penyerahan baucer buku pada tahun ini mendapat sambutan yang amat baik daripada pelajar, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Jabatan Bendahari, yang membuat beberapa penambahbaikan agar penyerahan baucer buku pada kali ini lebih sistematik dan terkawal.

Bendahari Majlis Perwakilan Pelajar UMS Jessica Chin Yen Yen berkata, "Kami selaku mahasiswa UMS sangat berterima kasih kepada pengurusan universiti dalam pengagihan baucer buku ini. Dengan adanya baucer ini sangat membantu kami dalam menampung pembelian buku sepanjang berada di universiti."



PELAJAR UMS memperlihatkan baucer buku.